

# UMS perintis pengajian minyak, gas

» Program peringkat ijazah dimulakan tahun depan  
BH 12-07-2012 4

Oleh Amin Ridzuan Ishak  
aminridzuan@bharian.com.my

▀ Kota Kinabalu

Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menjadi perintis pengajian bidang minyak dan gas yang diperkenalkan selewat-lewatnya tahun depan.

Naib Canselornya, Prof Mohd Harun Abdullah, berkata sebagai permulaan UMS akan memperkenalkan program dan ijazah sarjana muda dalam bidang itu menerusi Sekolah Kejuruteraan dan Sekolah Maklumat sebelum fakulti khas ditubuhkan.

## Proses siapkan kertas kerja

Katanya, kertas kerjanya dalam proses disediakan dan akan dibawa ke Pusat Strategik Aka-



*"Kita mempunyai tenaga pengajar mencukupi. Masalah yang kita hadapi cuma kekurangan peralatan. Pihak universiti akan memohon peruntukan daripada Kerajaan Pusat bagi menyediakannya"*

**Mohd Harun Abdullah**  
Naib Canselor UMS

demikah dan Senat UMS sebelum dikemukakan kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk kelulusan.

"Program dijangka diperkenalkan setahun dari sekarang dan kami harap ia berjalan lancar.

"Kita mempunyai tenaga pe-

ngajar mencukupi. Masalah yang kita hadapi cuma kekurangan peralatan.

"Pihak universiti akan memohon peruntukan daripada Kerajaan Pusat bagi menyediakannya," katanya ketika ditemui BH di pejabatnya di sini, semalam.

## Cadangan Tun Mahathir

Tun Dr Mahathir Mohamad ketika melawat UMS dua bulan lalu, mencadangkan supaya diwujudkan Fakulti Minyak dan Gas di universiti itu bagi membolehkan lebih ramai rakyat Sabah mahir dan berkelayakan

dilahirkan di bidang itu.

Langkah itu turut bertujuan meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk Sabah kerana mampu bekerja di bidang berkemahiran tinggi.

Prof Mohd Harun berkata, cadangan Dr Mahathir selaku pengasas UMS seiring keadaan Sabah yang kaya dengan sumber minyak dan gas, selain pesisir pantai berpotensi tinggi.

## Dapatkan nasihat UTP

"Ya mendorong UMS menceburi bidang ini secara serius dan kita mendapatkan nasihat Universiti Teknologi Petronas (UTP) yang mencadangkan supaya fokus diberi kepada penerokaan laut dalam.

"Mereka (UTP) tidak menawarkan program itu, maka UMS boleh menjadi peneraju supaya kawasan kaya dengan minyak dan gas dapat diterokai ke arah meningkatkan pendapatan negara," katanya.

Katanya, langkah itu juga dapat melahirkan lebih ramai sumber manusia pakar dalam bidang itu di negeri ini, sekaligus meningkatkan pendapatan kerana ia menjanjikan pulangan lumayan.